

08/09/1997

Laksana Islam menerusi dakwah, tarbiah

BANYAK isu berkaitan Islam dibangkitkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan perwakilannya ketika perhimpunan agung Umno, dalam tempoh tiga hari lalu. Wartawan BH, Kamal Ahmad mengemukakan beberapa persoalan itu kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, semalam.

S: Dalam ucapan dasar Presiden menyebut kita menghadapi masalah peningkatan sikap tidak toleran terhadap sesiapa yang tidak mengutarakan rupa bentuk Islam?

J: Maksudnya janganlah kita terlampau ghairah melaksanakan kehendak-kehendak Islam. Janganlah dengan penguatkuasaan undang-undang tetapi biarlah melalui tarbiah dan dakwah. Misalnya, budak-budak tidak pakai kelubung, kita tak pakai undang-undang (supaya mereka memakainya) tetapi kita bawa pendidikan agama. Akhirnya ramai pakai kelubung.

S: Bagaimana pula dengan tindakan kerajaan untuk memperbetulkan penekanan yang selama ini tertumpu kepada separuh sahaja daripada ajaran Islam iaitu kepada cara bukan kepada maksud dan tujuan ajaran Islam? Syarahan agama dan pendekatan agama tidak tertumpu kepada kekuatan umat Islam iaitu mengenai dua perkara "aljuk walhauf" (kemiskinan dan huru-hara) yakni membasmi kemiskinan dan mewujudkan keselamatan. Ini penekanan yang tidak pernah diberi dan tidak dianggap sebagai tugas agama.

S: Perdana Menteri juga mendedahkan ada pihak dalam negara yang membantu gerakan ekstrimisme dari luar. Siapakah kumpulan itu?

J: Kumpulan itu, pertama, kumpulan politik yang mengampil inspirasi dari luar negara. Kedua, golongan agama yang mentafsirkan agama tetapi tidak faham suasana dan tidak mengaitkannya dengan suasana.

S: Ada sebarang usaha menyekat golongan itu?

J: Usaha kita ialah penerangan.

S: Sejauh manakah ada fatwa yang tidak betul?

J: Fatwa boleh berubah mengikut masa keadaan masa. Dahulu fatwa di Turki menetapkan kita tidak boleh ambil gambar, sekarang ini gambar satu benda yang biasa.

S: Bagaimana kita akan menarik pelaburan dari negara Islam dalam Koridor Raya Multimedia (MSC).

J: Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) sudah membentuk penerangan Islam dan sebagainya tetapi tidak berjalan. Namun Malaysia menubuhkan MSC dengan bersungguh-sungguh kerana ia satu bahan yang penting bagi umat Islam untuk menghadapi cabaran alaf akan datang.

S: Apakah lagi infrastruktur Islam yang dalam rancangan kita?

J: Antaranya ialah hubungan sesama umat Islam daripada segi perniagaan dan pendekatan ekonomi sesama Islam.

S: Ada perwakilannya mendakwa Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan bermasalah sehingga berlaku masjid membaca khutbah anti-kerajaan.

J: Sebenarnya tidak begitu. Penggunaan khutbah yang kadang kala membuat tafsiran Islam (yang salah) berlaku di mana sahaja di dalam negara kita. Ada ahli agama tidak sedar mengenai kepentingan negara menggunakan khutbah dengan dipengaruhi oleh fahaman yang ekstrim bahkan di sesetengah negeri parti politik menggunakan khutbah untuk mengembangkan idea politik mereka. Di Wilayah Persekutuan tiada masalah. Tetapi saya ingin tekankan parti politik PAS sentiasa berjuang untuk menguasai masjid. Ini adalah ura-ura mereka tetapi tidak berjaya.

Bagaimanapun Umno sedar ini satu pendekatan mereka dan kita cuba

mengatasi dari semasa ke semasa dan memperketatkan peraturan.

S: Apakah keutamaan Jabatan Agama Islam untuk membentuk satu masyarakat Islam tulen?

J: Perdana Menteri menegaskan agama mesti menjadi budaya hidup kita iaitu asas segala tindakan dalam urusan kehidupan. Jika Arab (jahiliah) menjadi pakar pelbagai ilmu dan menguasai satu pertiga dunia kerana gesaan Islam ialah memperkukuhkan pengurusan dan kekuatan kita di dunia.

Bagi mencapai matlamat itu, Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM) ditubuhkan untuk menjadikan agama sebagai asas penggerak kemajuan kita. Kalau pembangunan dan kemajuan diasaskan dengan agama maka perkara itu akan mendapat sokongan dan menjadi panduan yang baik. Misalnya, ketika dijajah anak perempuan diasingkan daripada anak lelaki. Tetapi oleh kerana pembangunan pendidikan begitu pesat, kita tidak mampu membina dua sekolah berasingan dan ini dipersetujui oleh ulama.

Begitu juga pada awal 1970-an kita hendak hantar anak gadis ke luar negara tanpa muhrim. Ulama berbincang dan mereka bersetuju dengan kerajaan kerana negara memerlukan ramai orang bijak pandai.

S: Cara Umno dan kerajaan dengan ulama dapat dirapatkan?

J: Memang perkara ini sudah berjalan lama tetapi ia tidak diberi penekanan maka sekarang kita hendak menekankan bahawa pembangunan mesti dikaitkan dengan pemikiran agama. Kalau tidak kita hanyut.

Misalnya, era ahli korporat kita masa ini, kita nampak ada sungutan perkara agama tidak diambil berat maka kita kena ambil berat. Kalau tidak, keruntuhan akan berlaku. Kalau kita tumpu kepada kebendaan sahaja lambat laun masyarakat akan lumpuh.

S: Bagaimana ulama memainkan peranan dalam proses menggubal dasar negara?

J: Caranya, kita akan buat "kurikulum" khas pendekatan Islam kepada semua pihak yang berkecimpung dengan pembangunan negara.

(END)